

22 APR 1996

Hospital

TIGA KONSORTIUM DAPAT TAWARAN PENSWASTAAN KHIDMAT SOKONGAN HOSPITAL

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Tiga konsortium telah dipilih untuk menguruskan lima perkhidmatan sokongan yang akan diswastakan di hospital-hospital kerajaan mulai September tahun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng berkata ketiga-tiga konsortium itu, yang ditawarkan kontrak 15 tahun tiap-tiap satu, akan diketuai oleh Faber Bhd, Asia Lab Sdn Bhd dan Tongkah Berhad yang masing-masing akan diperuntukkan hospital di negeri-negeri tertentu.

Konsortium itu akan diberikan masa selama lima tahun untuk mencapai taraf ISO 9002 antarabangsa, kat Chua kepada pemberita selepas berucap mengenai "Penswastaan Penjagaan Kesihatan -- Cabaran dan Peluang" pada persidangan kemuncak Penswastaan Malaysia di sini hari ini.

Perkhidmatan sokongan itu ialah pengurusan sisa buangan klinik; perkhidmatan mencuci bangunan; perkhidmatan mencuci pakaian dan linen; penyenggaraan kemudahan kejuruteraan; dan penyenggaraan kejuruteraan biomedikal.

Melalui projek yang bernilai RM480 juta setahun itu, Faber Bhd akan bertanggungjawab kepada hospital-hospital di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Sabah and Sarawak; Asia Lab Sdn Bhd di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan manakala Tongkah Bhd di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Chua berkata, Kementerian akan mewujudkan sebuah unit pengawasan yang terdiri daripada lapan jurutera yang dibantu oleh perunding swasta untuk menyelia konsortium itu.

Ditanya sama ada kerajaan akan menswastakan perkhidmatan kesihatannya ala Singapura, beliau berkata kajian sedang dijalankan oleh Rashid Hussein Bhd yang dilantik sebagai perunding.

Beberapa aspek akan dicontohi dari Singapura dan beberapa negara lain di samping turut mengambil kira pengalaman Malaysia sendiri, kata beliau.

Dalam ucapannya, Chua berkata dalam melaksanakan dasar penswastaan Kementerian akan memastikan perkhidmatan yang tidak membawa keuntungan tetapi perlu akan terus diberi perhatian.

Kerajaan tidak akan melepaskan tanggungjawabnya dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi mereka yang miskin dan akan terus mengawal industri kesihatan untuk menjaga kepentingan rakyat.

Sebagai contoh, kerajaan memberi subsidi RM60 juta bagi pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) tahun lepas.

Turut hadir di majlis itu ialah Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia, Mirzan Mahathir dan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman. -- BERNAMA

RHM PR